



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 6 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM KOMITED DORONG WANITA CEBURI BIDANG EKONOMI</b>	
	<a href="https://malaysiatribune.news/2024/03/05/kpwkm-komited-dorong-wanita-ceburi-bidang-ekonomi/">https://malaysiatribune.news/2024/03/05/kpwkm-komited-dorong-wanita-ceburi-bidang-ekonomi/</a>	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	<a href="https://ohmymedia.cc/kpwkm-raikan-kehebatan-wanita-menerusi-program-wacana-srikandi">https://ohmymedia.cc/kpwkm-raikan-kehebatan-wanita-menerusi-program-wacana-srikandi</a>	OHMYMEDIA.CC
	<a href="https://www.malay.news/kpwkm-raikan-kehebatan-wanita-menerusi-program-wacana-srikandi/">https://www.malay.news/kpwkm-raikan-kehebatan-wanita-menerusi-program-wacana-srikandi/</a>	MALAY.NEWS

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>VAKSINASI HPV “TINGGALKAN SIAPA DI BELAKANG”</b>	
	<a href="https://umno-online.my/2024/03/05/vaksinasi-hpv-tinggalkan-siapa-di-belakang/">https://umno-online.my/2024/03/05/vaksinasi-hpv-tinggalkan-siapa-di-belakang/</a>	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>UMNO SENTIASA MENYOKONG USAHA PEMBANGUNAN WANITA, PEKA PELBAGAI PELUANG – JEFFERY NOR</b>	
	<a href="https://umno-online.my/2024/03/05/umno-sentiasa-menyokong-usaha-pembangunan-wanita-peka-pelbagai-peluang-jeffery-nor/">https://umno-online.my/2024/03/05/umno-sentiasa-menyokong-usaha-pembangunan-wanita-peka-pelbagai-peluang-jeffery-nor/</a>	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BILANGAN MISKIN TEGAR DI KELANTAN MENINGKAT KEPADA 14,092 KELUARGA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1219852/bilangan-miskin-tegar-di-kelantan-meningkat-kepada-14092-keluarga">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1219852/bilangan-miskin-tegar-di-kelantan-meningkat-kepada-14092-keluarga</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066944/14092-keluarga-miskin-tegar-di-kelantan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066944/14092-keluarga-miskin-tegar-di-kelantan</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>BERAT SUNGGUH DUGAAN NORAIN SEKELUARGA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067083/berat-sungguh-dugaan-norain-sekeluarga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067083/berat-sungguh-dugaan-norain-sekeluarga</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ISTERI GALAS TANGGUNGJAWAB SEBAGAI AYAH, IBU</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/isteri-galas-tanggungjawab-sebagai-ayah-ibu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/isteri-galas-tanggungjawab-sebagai-ayah-ibu/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>BIZARA 'SYURGA' BUAT ANAK-ANAK ISTIMEWA</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652755/edisi/kelantan/bizara-syurga-buat-anak-anak-istimewa">https://www.sinarharian.com.my/article/652755/edisi/kelantan/bizara-syurga-buat-anak-anak-istimewa</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>'NOTIS PEMAKLUMAN HIMPUNAN HARI WANITA TAK LENGKAP' - POLIS KL</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220000/notis-pemakluman-himpunan-hari-wanita-tak-lengkap-polis-kl">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220000/notis-pemakluman-himpunan-hari-wanita-tak-lengkap-polis-kl</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/05/himpunan-hari-wanita-sedunia-polis-nafi-tolak-notis-daripada-penganjur/">https://malaysiagazette.com/2024/03/05/himpunan-hari-wanita-sedunia-polis-nafi-tolak-notis-daripada-penganjur/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/698341">https://www.malaysiakini.com/news/698341</a>	MALAYSIAKINI.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>GOVT LAUNCHES WANITA MYWIRA TO CLOSE GENDER GAP IN WORKFORCE</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/05/govt-launches-wanita-mywira-to-close-gender-gap-in-workforce/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/05/govt-launches-wanita-mywira-to-close-gender-gap-in-workforce/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/652884/berita/nasional/wanita-mywira-tingkat-penyertaan-tenaga-kerja-wanita#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/652884/berita/nasional/wanita-mywira-tingkat-penyertaan-tenaga-kerja-wanita#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/216069/focus/national/talentcorp-backs-wanita-mywira-initiative-to-boost-female-workforce-participation">https://www.sinardaily.my/article/216069/focus/national/talentcorp-backs-wanita-mywira-initiative-to-boost-female-workforce-participation</a>	SINARDAILY.MY
	<a href="https://theedgemaalaysia.com/node/703535">https://theedgemaalaysia.com/node/703535</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>WARGA AS DITUDUH HASIL BAHAN ANIAYA SEKSUAL KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1219820/warga-dituduh-hasil-bahan-aniaya-seksual-kanak-kanak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1219820/warga-dituduh-hasil-bahan-aniaya-seksual-kanak-kanak</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/lelaki-amerika-syarikat-dituduh-hasilkan-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/lelaki-amerika-syarikat-dituduh-hasilkan-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/05/warga-asing-diarah-bela-diri-atas-pertuduhan-amang-seksual-kanak-kanak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/05/warga-asing-diarah-bela-diri-atas-pertuduhan-amang-seksual-kanak-kanak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=6ObUjaluSEk">https://www.youtube.com/watch?v=6ObUjaluSEk</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=1HTbeL4ibTE">https://www.youtube.com/watch?v=1HTbeL4ibTE</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067002/warga-dituduh-hasilkan-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067002/warga-dituduh-hasilkan-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1021432/american-claims-trial-sexually-harassing-11-year-old-girl-langkawi">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1021432/american-claims-trial-sexually-harassing-11-year-old-girl-langkawi</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>BAYI 3 BULAN MATI PADA HARI PERTAMA DI PUSAT ASUHAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/bayi-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/bayi-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/</a>	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>BAYI LELAKI DITEMUI DI DEPAN RUMAH KEDAI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067136/bayi-lelaki-ditemui-di-depan-rumah-kedai">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067136/bayi-lelaki-ditemui-di-depan-rumah-kedai</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220002/bayi-dibuang-di-hadapan-kedai">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220002/bayi-dibuang-di-hadapan-kedai</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/03/05/baby-found-abandoned-at-laundromat-in-subang-jaya">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/03/05/baby-found-abandoned-at-laundromat-in-subang-jaya</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1021626/baby-boy-found-abandoned-usj">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1021626/baby-boy-found-abandoned-usj</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/05/pemilik-kedai-terkejut-jumpa-bayi-depan-premisnya/">https://malaysiagazette.com/2024/03/05/pemilik-kedai-terkejut-jumpa-bayi-depan-premisnya/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/pemilik-kedai-terkejut-jumpa-bayi-depan-rumah/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/pemilik-kedai-terkejut-jumpa-bayi-depan-rumah/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>'CARILAH ANAK ITU, DIA TETAP ANAK KAMU' - HAKIM</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067031/carilah-anak-itu-dia-tetap-anak-kamu-hakim">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067031/carilah-anak-itu-dia-tetap-anak-kamu-hakim</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/dipenjara-2-tahun-rogol-remaja-13-tahun-hingga-lahir-anak-hakim-pesan-jangan-masuk-lubang-sama-dua-kali/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/dipenjara-2-tahun-rogol-remaja-13-tahun-hingga-lahir-anak-hakim-pesan-jangan-masuk-lubang-sama-dua-kali/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>WARGA AUSTRALIA DIARAH BELA DIRI TUDUHAN AMANG SEKSUAL</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1219981/warga-australia-diarah-bela-diri-tuduhan-amang-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1219981/warga-australia-diarah-bela-diri-tuduhan-amang-seksual</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066974/warga-australia-diarah-bela-diri-atas-tuduhan-amang-seksual-fizikal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066974/warga-australia-diarah-bela-diri-atas-tuduhan-amang-seksual-fizikal</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>WOMAN WHO CLAIMED SHE WAS SEXUALLY HARRASSED BY 50 MEN DURING A WALK, URGED TO LODGE POLICE REPORT</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1021628/woman-who-claimed-she-was-sexually-harrassed-50-men-during-walk-urged">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1021628/woman-who-claimed-she-was-sexually-harrassed-50-men-during-walk-urged</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>BAPA PUKUL ANAK DIPENJARA LIMA TAHUN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1219858/bapa-pukul-anak-dipenjara-lima-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1219858/bapa-pukul-anak-dipenjara-lima-tahun</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>KELINDAN LORI DIDAKWA CABUL ANAK TIRI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066988/kelindan-lori-didakwa-cabul-anak-tiri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066988/kelindan-lori-didakwa-cabul-anak-tiri</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Qw3zJOm9ju8">https://www.youtube.com/watch?v=Qw3zJOm9ju8</a>	YOUTUBE



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berucap pada Program Wacana Srikandi 2024 di Pusat Konvensyen Shah Alam hari ini.

## KPWKM komited dorong wanita ceburi bidang ekonomi



Mohd. Najmi

SHAH ALAM – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam memastikan peranan wanita di negara ini dimartabatkan menerusi pelbagai inisiatif sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, KPWKM menggalakkan para wanita untuk sentiasa bergiat secara aktif dalam bidang ekonomi serta tenaga buruh, yang dapat membantu dalam menjana pendapatan, sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan.

“Bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini dengan tema ‘Wanita Dijulang Negara Gemilang’ yang memberikan penekanan kepada pentingnya membentuk budaya inklusif dan kesaksamaan gender di semua lapisan masyarakat.

“Beberapa inisiatif penting akan menjadi fokus kementerian sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa iaitu peningkatan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan, toleransi sifar keganasan terhadap wanita, peningkatan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi dan penambahbaikan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan wanita.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum merasmikan Program Wacana Srikandi 2024 di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini hari ini.




## Vaksinasi HPV “Tinggalkan Siapa Di Belakang”

5 March 2024 Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 4 Mac- Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad semasa hadir merasmikan Majlis Vaksinasi HPV “Tinggalkan Siapa Di Belakang” anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) bersama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dan Lembaga Pembangunan Keluarga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.



## UMNO Sentiasa menyokong Usaha Pembangunan Wanita, Peka Pelbagai Peluang – Jeffery Nor

5 March 2024 Berita Lain Berita Utama



PUTATAN, 5 Mac – Golongan wanita yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan harus memiliki kemahiran dan mengetahui peluang, potensi dan bantuan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan serta badan lain.

Ketua UMNO Bahagian Putatan, Jeffery Nor Mohamed berkata, jabatan dan agensi kerajaan khususnya menawarkan pelbagai program termasuk berkaitan bimbingan dan latihan serta bantuan kewangan dalam bidang perniagaan.



Menurutnya, dengan mengetahui setiap aspek berkenaan, golongan wanita dapat mengenal pasti serta menasaskan jenis-jenis perniagaan yang dapat dilaksanakan.

"Bajet tahunan yang disediakan oleh Kerajaan setiap tahun memperuntukkan dana yang sangat besar kepada mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan.

"Dana ini disalurkan melalui pelbagai jabatan dan agensi," katanya semasa berucap dalam Majlis Perasmian Kursus Pengendalian Makanan anjuran

Wanita UMNO Bahagian Putatan dengan kerjasama FB Training Academy dekat sini, baru baru ini.

Hadir sama Ketua Wanita UMNO Bahagian Putatan, Datuk Juriah Palasin dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Putatan, Asneh Libong.

Menurut Jeffrey beberapa jabatan dan agensi kerajaan selain bersedia memberikan latihan dan kemahiran untuk jangka pendek dan jangka panjang juga turut menyediakan dana pinjaman bagi individu yang berkecukupan memohon pinjaman antaranya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), MARA, Jabatan Pertanian dan sebagainya.




"UMNO Bahagian Putatan sentiasa menyokong usaha mana-mana pihak yang ingin berkolaborasi untuk menganjurkan sebarang program yang melibatkan bidang perniagaan khususnya golongan Wanita agar penyertaan golongan ini dapat diperkasakan," katanya.

Dalam pada itu Jeffrey yang juga Pengerusi Lembaga Penasihat Pusat GiatMARA kawasan Parlimen Putatan turut mengajak golongan Wanita di negeri ini agar menceburi bidang keusahawanan dengan menjadikan perniagaan atas talian atau e-dagang sebagai platform terbaik bagi membina kerjaya, selaras dengan peningkatan penggunaan internet dalam kalangan global.

"E-dagang menjadi satu punca janaan ekonomi yang memberangsangkan terutama dalam kalangan belia dan wanita yang menjadikan media sosial seperti Facebook, Tik Tok dan Instagram sebagai medan jual beli secara aktif.

"Perniagaan ini sangat menguntungkan kerana menggunakan modal yang sangat rendah, namun menuntut komitmen yang sangat tinggi terutama pengagihan masa dalam kalangan peniaga," ujarnya lagi. – *UMNO Online*

Oleh: Jaafar Abd Wahid



## Bilangan miskin tegar di Kelantan meningkat kepada 14,092 keluarga

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim - Mac 5, 2024 @ 2:18pm  
nfazlina@nstp.com.my



Foto hiasan

KOTA BHARU: Bilangan miskin tegar di Kelantan meningkat kepada 14,092 keluarga manakala kategori miskin pula membabitkan 63,060 keluarga.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Kelantan, Datuk Dr Izani Husin, berkata jumlah itu meningkat kepada 4.1 peratus berbanding sebelum ini.

Katanya, data itu dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM Kelantan menerusi mesyuarat terbaharu yang diadakan pada 22 Januari lalu memaklumkan jumlah ketua isi rumah (KIR) miskin dan miskin tegar di Kelantan.


"Pendapatan keluarga bagi miskin tegar adalah RM1,199 dan bagi miskin pula adalah RM2,199," katanya. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan Shaari Mat Yaman (PAS-Bunut Payong) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut katanya, bagi mengurangkan bilangan miskin tegar di Kelantan, pihaknya mengambil langkah-langkah seperti berikut seperti mengaktifkan Mesyuarat Fokus Group Kesejahteraan Rakyat (FGN) di peringkat negeri dan Fokus Group Kesejahteraan Rakyat (FGD) di peringkat jajahan.

"Kerajaan memfokuskan kepada empat langkah sebagaimana pelan strategik berkenaan iaitu memantapkan data (Lock Figure Miskin Tegar Tahun 2024) dengan mempergiatkan proses Pemutihan Data Miskin Tegar oleh PPN ICU JPM termasuk membuat semakan awal oleh Pejabat Tanah dan Jajahan serta membuat pengesahan status kemiskinan tegar semasa.

"Selain itu melaksanakan *data cleaning* secara menyeluruh dengan semua Agensi Pemberi Bantuan seperti MAIK, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Perbendaharaan Negeri dan Badan Sosial yang menyediakan pencen ilat, pesara kerajaan dan swasta.

"Menyelaraskan program kesejahteraan rakyat dengan bantuan yang mampan bagi memastikan isi rumah miskin tegar melepasi PGK miskin tegar," katanya.



## Berat sungguh dugaan Norain sekeluarga

Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my



Norain bersama suami, Mohd Hassan menemani anak orang upaya (OKU) mereka yang menerima sumbangan baju sekolah di Pasaraya Eonsave Cash And Carry Permas Jaya di sini hari ini. FOTO Mary Victoria Dass

Johor Bahru: Selain bergelut dengan masalah kesihatan diri sendiri, pengutip barangan lusuh, Norain Zailani, 35, turut menanggung suami yang menghidap pelbagai penyakit dan lima anak orang kurang upaya (OKU)

Norain menghidap pelbagai penyakit antaranya serangan sistem imun badan iaitu Sistemik Lupus Eritematosus (SLE) dan penyakit kulit yang kronik, Diskoid Lupus Eritematosus (DLE).

Katanya, selain itu dia juga menghidap ketumbuhan di salur mata, payu dara dan rahim.

Manakala suaminya, Mohd Hassan Basri, 42, yang sebelum ibni menjadi tulang belakang keluarga disahkan menghidap penyakit jantung dan kanser usus kronik sejak lebih setahun lalu.

"Sejak menghidap penyakit jantung, suami tidak lagi bekerja sebagai pengutip barang lusuh dan kerap berulang-alik ke hospital manakala saya juga tidak dapat melakukan pekerjaan itu kerana pergerakan terhad berikutan bahagian kiri tubuh menjadi lemah serta tidak stabil.

"Hampir setiap tahun anak-anak guna pakaian sekolah lusuh, tapi tahun ini saya tak larat mencarinya kerana masalah kesihatan," katanya.

Norain berkata, dia buntu dengan persiapan persekolahan bagi lima daripada tujuh cahaya matanya yang juga OKU itu.

"Dalam keadaan kami yang masing-masing menghidap penyakit kronik, kami tidak dapat menyediakan persiapan persekolahan bagi anak kerana kebiasaannya kami akan mengutip baju sekolah yang tidak terpakai sebelum dicuci bersih untuk digunakan," katanya.

Norain yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Stulang di sini, berkata lima anaknya, Mohd Nur Fahmi, 13; Mohd Nur Ilmi, 12; Muhammad Hassan, 11; Hana Wardatul Jannah, 9 dan Siti Khadijah Aisyah, 6, disahkan OKU kategori Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD) serta masalah rabun.

Hanya hanya anak keenam dan bongsu mereka iaitu Mohd Nur Nasuha, 4 dan Mohd Nur Azfar, setahun dikategorikan sebagai normal.

Katanya, mereka kini hanya bergantung kepada bantuan perubatan bagi suaminya daripada Baitulmal RM400 dan bantuan OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) anak-anaknya berjumlah RM1,000 bagi meneruskan kehidupan.

"Memang kami berat hati untuk berpisah dengan anak namun disebabkan faktor kesihatan, kewangan dan pengangkutan, oleh itu kami rela demi kebaikan mereka.

"Harapan kami adalah masa depan mereka lebih cerah dan tidak tercicir dalam akademik," katanya.

Terdahulu keluarga berkenaan menerima kunjungan dan menerima sumbangan daripada Pasar Raya Eonsave Cash And Carry cawangan Permas Jaya di sini, hari ini.

Pengurus Besarnya, Mas Imran Adam berkata, pihaknya memberi sumbangan barangan dan kelengkapan persekolahan bernilai RM1,100 kepada keluarga itu.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyumbang terus ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) bernombor 01002-41-00007440-4 atas nama Norain Zailani.



## Isteri gelas tanggungjawab sebagai ayah, ibu



ROSLINA Adam bersama suaminya, Johari Sairan yang menghidapi angin ahmar dirumahnyanya di Kampung Parit Salleh, Benut di Pontian, Johor. -UTUSAN/ MUHAMMAD ZIKRI

Oleh MUHAMMAD ZIKRI 5 Mac 2024, 10:45 am

PONTIAN: Sejak suaminya menghidapi penyakit **angin ahmar** ketika pandemik Covid-19 pada tahun 2021, Roslina Adam kini menjadi 'ketua keluarga' menguruskan rumah tangga dan anak-anak.

Roslina Adam, 47, berkata, suaminya, Johari Sairan, 52, yang menjadi tempat pergantungan hidup kini terlantar di atas katil dan tidak boleh bercakap serta tidak mampu lagi menguruskan dirinya.

Katanya, penyakit suaminya disebabkan tekanan darah terlalu tinggi menyebabkan dia terpaksa dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru selama 14 hari untuk rawatan.

"Penyakit angin ahmar yang dihidapi suaminya menyebabkan bahagian kanan badannya termasuk kaki dan tangan tidak dapat bergerak lagi," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Parit Salleh, Benut, di sini, baru-baru ini.

Tambah Roslina, pelbagai kaedah rawatan termasuk secara tradisional dilakukan selain bantuan dari fasiotrap yang dipanggil datang ke rumah, namun penyakit suaminya tidak juga sembuh (berubah).

"Selama ini pendapatan keluarganya bagi menyara tujuh orang anaknya daripada kebun kelapa sawit seluas 1.6 hektar yang dilakukan oleh suaminya," ujarnya.

Katanya, dia mempunyai tujuh orang anak, empat lelaki dan tiga perempuan berusia 11 tahun hingga 25 tahun, dimana empat daripadanya masih lagi bersekolah menengah dan rendah.

Menurut Roslina, suaminya hanya boleh minum susu formula melalui tiub ke hidungnya dengan memerlukan sembilan tin susu formula sebulan yang berharga RM100.00 setin.

"Penggunaan lampin pakai buang dewasa pula sebanyak 8 beg sebulan," jelasnya yang kini menerima bantuan RM500 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Tambah Roslina, selain tujuh anak yang berada di rumahnya, turut tinggal bersama, ibunya Siti Aniah Mohamad Bari berusia 83 tahun, seorang menantu dan seorang cucu lelaki berusia setahun lebih.

Katanya, kerja-kerja di kebun kelapa sawit dilakukan oleh anak lelaki yang berusia 23 tahun dengan memperoleh pendapatan kira-kira RM1,500 bergantung kepada hasil kelapa sawit.

Mereka yang ingin membantu boleh menghubungi Roslina Adam di talian 011-25880046 atau di Kampung Parit Salleh Benut dan menyumbang terus ke akaun Bank Islam (01-108-02-293008-7). - UTUSAN



## Bizara 'syurga' buat anak-anak istimewa

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN [Follow](#) 05 Mac 2024 09:30am Masa membaca: 4 minit



Teacher Wan (kanan) di hadapan Bizara yang terletak di Wakaf Stan, Kubang Kerian.

KOTA BHARU - Bizara membawa maksud tempat berkumpulnya kasih sayang atau tapak semeian benih kasih sayang aroma 'syurga' buat anak-anak istimewa.

Pusat pendidikan khas ini ditubuhkan pada tahun 2018 oleh Wan Zakaria Wan Abu Bakar, 42, dengan hanya bermodal RM700 serta tanpa sebarang pembiayaan daripada syarikat kewangan.

Berpengalaman 18 tahun sebagai pendidik di sebuah sekolah swasta ternama di ibu kota menjadi tunjang buat anak kelahiran Kampung Chenulang, Kuala Krai itu membangunkan 'syurga' buat kanak-kanak orang kurang upaya (OKU).



Di Bizara, pelajar istimewa boleh naik ke pentas dan mengadakan persembahan tanpa rasa kekurangan.

Anak bongsu daripada tujuh beradik yang merupakan pelajar terbaik Kursus Asuhan Permata di bawah jurulatih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Asia UBS Training & Consultancy ini tekad mahu menjadikan Bizara gah sebagai 'ruang paling unggul' pendidikan buat pemegang kad OKU yang berusia seawal empat hingga 21 tahun.

Wan Zakaria atau lebih mesra dengan panggilan Teacher Wan berkata, Bizara ditubuhkan untuk menyediakan pendidikan khas akademik yang lengkap bagi anak-anak berkeperluan khas meliputi kategori kelainan upaya seperti disleksia, diskalkulia, keresahan atau masalah tingkah laku, autisme, sindrom down, lewat perkembangan, lembam dan sawan.

"Bizara selaku pusat berdaftar dengan JKM beroperasi sebagai sebuah pusat pendidikan khas dengan gaya pendekatan sebuah sekolah.

"Kami bermula sebagai sebuah homeschool pada tahun 2018 di Shah Alam, Selangor yang membantu murid belajar menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) termasuk masalah emosi dan perkembangan.

"Daripada apartmen ke rumah teres ke rumah semi-D dan akhirnya Bizara berada di sebuah banglo di Wakaf Stan, Kubang Kerian," katanya kepada Sinar Harian.



Bizara telah membantu lebih 135 murid pendidikan khas dan membimbing lebih 250 ibu bapa untuk meningkatkan perkembangan anak-anak murid istimewa dan masalah pembelajaran.

Menurut beliau, sehingga hari ini, Bizara telah membantu lebih 135 murid pendidikan khas dan membimbing lebih 250 ibu bapa untuk meningkatkan perkembangan anak-anak murid istimewa dan masalah pembelajaran.

Ujarnya, melihat kepada sambutan yang amat menggalakkan daripada ibu bapa di Kelantan, Bizara telah membuat keputusan untuk berhijrah ke Kubang Kerian pada penghujung tahun 2022.

Teacher Wan memberitahu, dua keluarga dan lima murid dari Selangor turut berhijrah dan mengikuti pelajaran berkualiti yang disediakan di sini.

Tambah beliau, kini Bizara terdiri daripada Bizara Educare dan Tadika Sri Bizara yang bermula dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

"Di sini, seluruh warga pendidik diberikan latihan dan siji daripada JKM, JPN dan penyedia latihan swasta dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, pengajaran taska dan pendidikan khas bagi memastikan kami dapat memberikan khidmat terbaik kepada anak-anak istimewa ini.

"Tiga orang pekerja OKU turut dibimbing untuk menjadi contoh tauladan kepada murid-murid serta masyarakat sekeliling," katanya.

### KASIH SAYANG

Teacher Wan memberitahu, Bizara memberi fokus kepada mencungkil kelebihan, kekuatan anak-anak OKU bagi membolehkan mereka memahami dunia ini juga perlukan sumbangan orang istimewa.



Pelajar diterapkan dengan nilai kasih sayang, menyelami dunia mereka tanpa prejudis.

Ujar beliau, pelajar di sini diterapkan dengan nilai kasih sayang, menyelami dunia mereka tanpa prejudis serta yang paling utama jangan sesekali syak wasangka terhadap mereka.

"Contoh boleh dilihat apabila sesiapa sahaja melangkah ke Bizara, suasana persekitaran, perhiasan di sini langsung tidak diusik oleh anak-anak istimewa malah terletak seeloknya.

"Ini kerana mereka di sini memahami, menghayati serta kami (tenaga pengajar) yakin dengan mereka.

"Di Bizara, pelajar istimewa kami boleh naik ke pentas dan mengadakan persembahan tanpa rasa kekurangan," katanya.

Beliau memberitahu, terkini Bizara melangkah setapak lagi dengan pembelajaran al-Quran secara harfiah dengan menggunakan aplikasi digital Think Quran.


Ujarnya, ia terbukti sesuai dengan kalimat 'didiklah anak-anakmu sesuai dengan kecerdasan zamannya'.

"Alhamdulillah, anak-anak istimewa menerima baik dan amat teruja.

"Mereka memberi maklum balas luar biasa dan sentiasa menunggu masa untuk belajar al-Quran menggunakan teknologi ini," katanya.

Teacher Wan memberitahu, pihaknya bersyukur kerana hasrat untuk memperkenalkan anak-anak istimewa lebih dekat mengenal Tuhan dengan mendalami ayat-ayat suci al-Quran tercapai, sekali gus membina akhlak yang baik dan cerdik.

Beliau berkata, bilik Dar Al Salam Think Quran di Bizara telah disempurnakan pembukaannya oleh Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Kelantan, Mohd Hassany Hashim pada 19 Februari lalu.



## 'Notis pemakluman Himpunan Hari Wanita tak lengkap' - Polis KL

Oleh Safeek Affendy Razali - Mac 5, 2024 @ 6:49pm  
safeek@bh.com.my



Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Polis Kuala Lumpur menafikan dakwaan pihak berkuasa itu menolak notis pemakluman penganjuran Himpunan Hari Wanita (WMMY) yang dijadualkan Sabtu ini sebanyak empat kali.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, berkata penganjur ada menghantar notis pemakluman kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi pada Jumaat lalu, namun dikembalikan selepas 14 perkara yang harus dinyatakan oleh penganjur tidak lengkap.

"Kami sudah semak dan tidak menerima tiga lagi notis pemakluman seperti yang didakwa oleh penganjur.

"Bagaimanapun, pihak polis sudah memanggil mereka bagi melengkapkan notis pemakluman sebelum menverahkannya kepada polis.

"Kita tidak menghalang sebarang penganjuran perhimpunan kerana perkara itu terkandung dalam hak rakyat untuk berhimpun, namun notis pemakluman penting bagi polis mendapatkan segala maklumat berhubung penganjuran perhimpunan," katanya pada sidang media Majlis Sumbangan Pelajar Sekolah Murid Tahun Satu, Kontinjen Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Allaudeen berkata, pihaknya tetap akan membantu menyediakan kawalan keselamatan termasuk kawalan lalu lintas untuk perhimpunan itu berlangsung meskipun penganjur gagal untuk melengkapkan notis pemakluman.

"Setiap rakyat negara ini mempunyai hak bukan hanya penganjur dan peserta perhimpunan, malah orang ramai yang lain seperti mereka yang berniaga, beriadah dan melaksanakan aktiviti harian yang lain.

"Justeru, Polis KL akan tetap memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara dan tidak mahu sebarang aktiviti perhimpunan mengganggu hak masyarakat lain," katanya.

Beliau berkata, sebarang kesalahan yang dilakukan boleh diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman (APA 2012).

Berdasarkan notis pemakluman yang dihantar Jumaat lalu, penganjur hanya memberi sembilan dari 14 soalan yang harus dilengkapkan dalam notis pemakluman untuk menganjurkan perhimpunan.



## Govt launches Wanita MyWIRA to close gender gap in workforce

Wanita MyWIRA will serve as a platform for empowering women, consolidating all programmes under TalentCorp's oversight.

Hariz Hafiz - 05 Mar 2024, 5:48pm

31 Shares [Share](#) [Tweet](#) [Share](#) [Email](#)



Human resources minister Steven Sim (third from right) said TalentCorp played a vital role in supporting the ministry in its efforts to advance the women's agenda.

PETALING JAYA: The human resources ministry, through its agency Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp), has launched a new initiative called Wanita MyWIRA, which aims to close the gender gap in the workforce.

Wanita MyWIRA will serve as a platform for empowering women, consolidating all women empowerment programmes under TalentCorp's oversight.

Human resources minister Steven Sim said TalentCorp had been mandated as the agency to empower the country's workforce, including enhancing initiatives that promote the value of diversity, equity, and inclusion (DEI). This will help Malaysia achieve its target for female participation in the labour force.

"Given that we lack information and data on women in the workforce who have stopped working, and those who have returned, it is critical that we obtain accurate and detailed data to assist them.

"Thus, TalentCorp will be responsible through the Wanita MyWIRA initiative, which aims to digitalise the Career Comeback Programme. This initiative will facilitate tax incentives and improve data (collection) to advance women's positions and strengthen cross-agency cooperation under the ministry," he said when launching the initiative here today.

When launching his vision of a new Madani economy last July, Prime Minister Anwar Ibrahim set a goal of women forming up to 60% of the workforce as one of seven medium-term targets to be achieved within the next 10 years.

The rate of women's participation in the workforce remains modest, at 56.3% in the fourth quarter of 2023.

Meanwhile, TalentCorp Group CEO Thomas Mathew said the agency would continue to promote women and latent talent who could help the government achieve its goals under the Madani economic framework.

"Under the Wanita MyWIRA initiative, we will leverage the MyNext platform for assessment and profiling tools to create a centralised database for the female workforce as well as other initiatives, such as the critical occupations list and strengthen industry-academia collaboration to support women initiatives as mandated by the ministry," he said.

Mathew added that TalentCorp also offers advocacy programmes to help employers implement DEI ideals and engage working women as well as parents, such as the Women Industry Network, flexible work arrangements (FWA), and support for work-life balance approaches.


"We believe that by digitising data, specifically for women, we can provide reliable information that will support initiatives to help them.

"We will also collaborate with all cross-ministerial agencies, the private sector, and academia because no human can stand alone; thus, we must work together to achieve this aim," he added.

The Wanita MyWIRA initiative was launched in conjunction with TalentCorp's celebration of the International Women's Day, from March 2 to March 9. Activities include a Women's Career Convention on March 9, a career carnival with companies led by women and offering FWA.

The convention also offers resume-writing services, job interview workshops, as well as sharing sessions on the value of DEI.

Over 1,000 participants, representing women from diverse backgrounds, are expected to participate in the convention. Notable companies such as Hiredly, Kiddocare, ManagedCare, British Petroleum, DHL, Exxon Mobil, and others are partnering with TalentCorp to ensure the success of this event.



## Warga AS dituduh hasil bahan aniaya seksual kanak-kanak

Oleh Hamzah Osman - Mac 5, 2024 @ 1:16pm  
bhnews@bh.com.my



Frahm (dua dari kanan) ketika tiba di Mahkamah Sesyen Langkawi bagi berhadapan tuduhan menghasilkan bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak. Foto NSTP/HAMZAH OSMAN

LANGKAWI: Seorang lelaki warga Amerika Syarikat (AS) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan menghasilkan bahan penganiayaan seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan pada awal Februari lalu.

Bagaimanapun tertuduh, David Matthew Frahm, 46, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa ke atasnya di hadapan Hakim Helmi Ghani.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menghasilkan bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun di sebuah kediaman di Chogm Villa, Jalan Seri Legenda di sini.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh kira-kira jam 3.30 petang pada 1 Februari lalu.

Berikutan itu dia didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Farhan Aliff Ahmad, manakala tertuduh diwakili peguam, Cheow Wee dan Alvin Lau.

Pendakwaan turut meminta mahkamah tidak membenarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh berikutan kes berkenaan adalah serius dan membabitkan kanak-kanak bawah umur.

Mahkamah menetapkan 6 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, tertuduh mengaku tidak bersalah atas kesalahan tinggal melebihi masa ditetapkan di negara ini.

Frahm membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Natasya Rizal.


Mengikut pertuduhan, dia didakwa tinggal di negara ini selama 1,380 hari melebihi masa yang dibenarkan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 15 Februari lalu, pada jam 7.10 malam di Chogm Villa, Jalan Seri Legenda, Mukim Kuah.

Dia dakwa melanggar peruntukan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 15(4) Kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum denda minimum RM10,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah kemudian menetapkan 6 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



## Bayi 3 bulan mati pada hari pertama di pusat asuhan

Oleh AZMI NORDIN 5 Mac 2024, 5:15 pm



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Seorang bayi berusia tiga bulan meninggal dunia selepas dipercayai tersedak susu pada hari pertama dihantar ke sebuah pusat asuhan di Setia Alam, semalam.

Datuk kepada mangsa yang mahu dikenali sebagai Kuswadinata berkata, keluarganya dihubungi pusat jagaan tersebut kira-kira pukul 10.30 pagi memaklumkan cucu lelakinya disahkan meninggal dunia selepas dihantar ke sebuah klinik berdekatan.

Menurutnya, ini kali pertama cucunya dihantar ke pusat asuhan tersebut malah telah diberi jaminan bahawa semua pengasuh merupakan terlatih dan berpengalaman memandangkan ibu bapanya bekerja.

"Cucu saya dihantar pukul 8.30 pagi ke rumah pengasuh itu sebelum anak saya dan isterinya pergi ke tempat kerja di Subang dan Setia Alam.

"Dalam pukul 10.30 pagi, pengasuh tersebut buat panggilan telefon memaklumkan cucu saya tidak sedarkan diri mungkin sebab tersedak susu," katanya ketika dihubungi Kosmo!

Menurut Kuswadinata, pemeriksaan televisyen litar tertutup (CCTV) mendapati cucunya berada dalam keadaan tidak sedarkan diri sekitar pukul 9.40 pagi selain dibiarkan dalam keadaan meniarap sekitar 20 minit.

Bagaimanapun, katanya, rakaman video bagi tempoh masa pukul 10 pagi dan ke atas tiada dalam simpanan pusat asuhan tersebut atas alasan yang tidak diketahui.

"Saya rasa pelik kenapa dibawa ke klinik tanpa pengetahuan ahli keluarga terlebih dahulu. Selepas disahkan tidak bernyawa di klinik tersebut, baru maklum keluarga, kenapa tidak maklum lebih awal dan apa yang terjadi di taska itu sebenarnya?"

"Pihak taska sudah membuat permohonan maaf tapi kami sekeluarga memang tidak puas hati dan marah. Kalau lihat CCTV kemungkinan untuk diselamatkan itu ada kalau pengasuh betul-betul jaga dia.

"Bila saya angkat sahaja cucu, penuh satu badan dia dengan bancuhan air susu, sedih cucu pertama saya diperlakukan begini. Kami bukan hantar budak sakit tapi sihat sepenuhnya," katanya.

Tambahnya lagi, bedah siasat punca kematian cucunya sedang dilakukan di Hospital Shah Alam dan akan dibawa pulang ke Kota Bharu, Kelantan untuk proses pengebumian.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner, Mohd Iqbal Ibrahim ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan pihaknya menjalankan siasatan tentang kes tersebut.

"Kes disiasat di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak kerana kecuai/ pengabaian oleh pengasuh," katanya. – KOSMO! ONLINE.



## Bayi lelaki ditemui di depan rumah kedai

Nurul Hidayah Bahaudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my



BAYI lelaki ditemui pemilik kedai di hadapan rumah kedai Court 4 USJ, Subang Jaya, hari ini. FOTO ihsan PDRM.

Subang Jaya: Seorang bayi lelaki ditemui pemilik kedai di hadapan rumah kedai Court 4 USJ, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan telefon daripada orang awam berhubung kejadian itu jam 8.13 pagi tadi.

"Bayi itu yang tidak bertali pusat ditemui pemilik kedai di lokasi berkenaan dalam keadaan sihat.


"Bayi berkenaan kemudian dihantar ke Hospital Shah Alam untuk pemeriksaan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Azlan berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana kesalahan membuang bayi.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi penyiasat kes, Sarjan Sharifah Fatimah Marhidayani Syed Muhammad di talian 017-9149376.

"Orang ramai juga boleh menghulurkan maklumat dengan menghubungi Pusat Kawalan Daerah Subang Jaya di talian 03-78627100 bagi membantu siasatan," katanya.

Disiarkan pada: Mac 5, 2024 @ 6:44pm



## 'Carilah anak itu, dia tetap anak kamu' - hakim

Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my



Mohamad Haidil Haiqal dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku salah merogol kenalan hingga melahirkan anak. FOTO Alias Abd Rani

Muar: "Kalau sudah bebas nanti, carilah anak itu kerana dia tetap anak kamu," pesanan Hakim Abu Bakar Manat ketika menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan tiga sebatan terhadap seorang lelaki selepas mengaku bersalah merogol kenalan bawah umur hingga melahirkan anak, dua tahun lalu.

Mohamad Haidil Haiqal Abdullah, 20, yang sepatutnya mendirikan rumah tangga bulan lalu, membuat pengakuan itu ketika dituduh mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Dia didakwa merogol kenalannya yang ketika itu berusia 13 tahun, hingga melahirkan bayi perempuan pada Mei, iaitu seminggu dia ditahan polis pada 30 April tahun lalu.

Malah, hasil ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas bayi yang dilahirkan mangsa mendapati ia sepadan dengan tertuduh.

Dalam pada itu, Abu Bakar dalam penghakiman berkata, walaupun tiada unsur paksaan serta ada elemen suka sama suka, namun disebabkan mangsa masih di bawah umur ia dianggap sebagai kes rogol.

"Memanglah kamu (tertuduh) melakukan perkara itu atas dasar suka sama suka, yang menjadi masalahnya apabila mangsa masih bawah umur," katanya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bekerja sendiri didakwa merogol mangsa di rumahnya di Kluang antara Mei hingga November 2022.


Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah mempertimbangkan hukuman paling ringan kerana dia perlu menanggung lima lagi adik beradiknya.

Namun, pihak pendakwaan meminta mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan orang awam agar tidak melakukan perkara sama.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara dua tahun bermula dari 15 Januari lalu, serta tiga sebatan, selain mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis setahun sebaik selesai menjalani hukuman.



## Warga Australia diarah bela diri tuduhan amang seksual

Oleh Abdul Rahemang Taiming - Mac 5, 2024 @ 6:24pm  
bhnews@bh.com.my



- Foto hiasan

TAWAU: Seorang lelaki warga Australia diarah membela diri atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun, Mei tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen, Rosli Ahmad membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh di akhir kes.

Mengikut pertuduhan, Jack Kwong, 74, didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun (ketika kejadian) di sebuah rumah di Taman Pick Yard, Jalan Mawar dekat sini, antara 7.20 pagi hingga 8.00 pagi, 20 Mei tahun lalu.

Atas perbuatan itu, tertuduh di dakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat.

Prosiding perbicaraan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Suhaimi Suriana bersama Timbalan Pendakwa Raya Hurman Hussain manakala tertuduh diwakili peguam Mark Rosaidi.


Hakim kemudian menetapkan 3 Mei depan untuk prosiding bela diri oleh tertuduh.



## Woman who claimed she was sexually harassed by 50 men during a walk, urged to lodge police report



By Nor Ain Mohamed Radhi - March 5, 2024 @ 9:07pm



KUALA LUMPUR: Police have urged a woman who claimed she was sexually harassed by 50 men during a 30-minute walk in Kuala Lumpur to come forward and file a report.

Kuala Lumpur police chief Datuk Allaudeen Abdul Majid said as of now, they have not received any report regarding the claims made by former financial journalist Christine Hill on the X app.

"We urge the woman to come forward and file a police report about the incident," he said when contacted today.

Allaudeen, however, expressed his doubt about such claims, describing them as highly incredible.

"It is highly incredible for 50 men to attempt to grope her in a single journey."

Allaudeen asserted that Kuala Lumpur is a perfectly safe city.

"People from all walks of life, regardless of their backgrounds, are safe in the city. Please do not tarnish the image of Kuala Lumpur."

Hill made the claim in response to a post on X about an alleged gang rape case in India.

In her response, Hill stated that sexual harassment occurs not only in India but also cited Kuala Lumpur as an example.


She claimed she lived in Malaysia for eight years and was constantly harassed.

In her post, Hill said she had walked from Central Market to 'Shanghai La' one day and 'whacked' about 50 men who she said had tried to grab her breasts.

She went on to say that was when she realised she had to move. Hill later moved to Singapore.

She also mentioned that she had raised the incident with the most senior political leaders, indicating it was bad PR for the city.

"They had a name for it and just laughed."



## Bapa pukul anak dipenjara lima tahun

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap - Mac 5, 2024 @ 2:29pm  
bhnews@bh.com.my



Tertuduh (dua dari kanan) dibawa ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini. - NSTP/Abnor Hamizam

KUALA PILAH: Seorang lelaki dijatuhi hukuman lima tahun penjara oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana memukul anak perempuannya.

Tertuduh yang berusia 47 tahun membuat pengakuan bersalah sebaik kertas pendakwa dibaca di hadapan Hakim Norma Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh dengan sengaja menyebabkan cedera ke atas anak kandungnya yang berusia 17 tahun dengan menggunakan suatu alat yang digunakan sebagai senjata untuk melakukan kesalahan yang mungkin menyebabkan kematian, iaitu satu kerusi plastik, satu bakul pakaian dan satu papan seterika.

Kesalahan itu dilakukan pada 23 Januari 2024, jam lebih kurang 11.45 malam di sebuah rumah di Kampung Kendong Baru Kota, Rembau.

Berikutan itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326A akta yang sama.

Sabit kesalahan, mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan boleh dihukum dengan penjara selama 10 tahun atau dengan denda atau sebat, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qaiyyum Ramlan, manakala tertuduh diwakili peguam Roslaili Alias.

Pada 31 Januari lalu, tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Seremban atas dakwaan merogol mangsa sama yang juga anak kandung berusia 16 tahun enam bulan ketika kejadian pada November tahun lalu.

## Kelindan lori didakwa cabul anak tiri

Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my



Muar: Kelindan lori mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya bulan lalu.

Tertuduh berusia 35 tahun yang baru lima bulan berkahwin dengan ibu mangsa membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap anak tirinya berusia 10 tahun di sebuah rumah di Parit Sulong, Batu Pahat, jam 10.20 malam, 24 Februari lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama, hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Bagi Seksyen 16 (1) pula, tertuduh boleh dikenakan hukuman tambahan iaitu penjara sehingga lima tahun dan sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan laporan, kejadian berlaku di rumah ibu mangsa ketika semua ahli keluarganya tiada.

Tertuduh yang berkahwin dengan ibu mangsa September tahun lalu, didakwa melakukan perbuatan itu malah turut meminta mangsa tidak menceritakan kepada sesiapa pun.

Namun mangsa menceritakan kejadian itu kepada rakan sebelum memberitahu penduduk kawasannya yang kemudiannya membuat laporan polis.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh memandangkan mangsa dengan lelaki itu masih tinggal sebumbung.

"Atas faktor keselamatan dan ada kemungkinan perkara sama berulang terhadap mangsa, pihak pendakwaan memohon mahkamah mempertimbangkan agar tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin," katanya.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan tiada tawaran ikat jamin diberikan terhadap tertuduh.

Mahkamah juga menetapkan 4 April ini untuk sebutan semula kes, serahan dokumen dan juga lantikan peguam tertuduh.

Disiarkan pada: Mac 5, 2024 @ 1:03pm



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen selepas mahkamah menolak ikat jamin. FOTO Alias Abd Rani